

“ Pelan yang membolehkan saya bangkit semula selepas penyakit kritikal...berkali-kali! ”

## Pelan perlindungan berbilang untuk penyakit kritikal

### *Sepintas lalu:*

PRU *multiple crisis cover* memberi anda ketenangan fikiran dengan menyediakan:

- > **Tuntutan penyakit kritikal sehingga TIGA kali**
- > **Perlindungan untuk DUA kejadian penyakit Kanser**
- > **PELEPASAN PREMIUM apabila didiagnosis menghidap penyakit kritikal**
- > **Perlindungan KOMPREHENSIF untuk kematian, hilang upaya dan penyakit kritikal**

Anda mahukan yang terbaik untuk diri anda dan orang tersayang. Ini bermakna merancang untuk masa depan. Ia juga bermakna merancang untuk menghadapi kejadian yang tidak diduga.

Penyakit kritikal berlaku lebih kerap daripada yang kita sedari tetapi mujurlah, ia tidaklah sentiasa membawa maut. Bahkan, disebabkan kemajuan dalam sains perubatan, kadar hidup bagi penyakit kritikal bertambah tinggi lebih-lebih lagi jika penyakit kritikal seperti penyakit jantung atau kanser dirawat pada peringkat awal.

Namun rawatan bagi sesetengah penyakit boleh melibatkan tempoh pemulihan yang lama, di samping menanggung kerugian ekonomi dan beban kewangan ekoran peningkatan perbelanjaan perubatan yang selalunya boleh menghimpit anda seteruk penyakit itu sendiri.

Jadi, adakah insurans yang anda ada sekarang memberi anda dan orang tersayang perlindungan yang secukupnya bagi penyakit kritikal, terutamanya jika ia berulang lagi.

Menyedari keperluan perlindungan yang dipertingkatkan dan ketenangan fikiran, kami kini memperkenalkan **PRU *multiple crisis cover***, pelan yang unik yang menyediakan anda tuntutan penyakit kritikal dan kanser berbilang, berserta perlindungan bagi kematian dan hilang upaya.

Biarlah kami sentiasa di sisi anda untuk membantu anda!

## » Manfaat

### Tuntutan penyakit kritikal sehingga **TIGA** kali

Anda boleh membuat sehingga **TIGA\*** tuntutan penyakit kritikal daripada senarai penyakit yang komprehensif dan pelbagai, justeru memberi anda ketenangan fikiran memandangkan anda dilindungi berkali-kali.

### Perlindungan untuk **DUA** kejadian penyakit Kanser

**PRU** *multiple crisis cover* membolehkan anda membuat sehingga **DUA** tuntutan kanser, justeru memberi anda perlindungan tambahan di saat anda paling memerlukannya.

### **PELEPASAN PREMIUM** apabila didiagnosis menghidap penyakit kritikal

Pada diagnosis penyakit kritikal yang pertama, **PRU** *multiple crisis cover* akan **MENGEQUALIKAN SEMUA PREMIUM MASA DEPAN**, supaya anda boleh memberi tumpuan untuk kembali sihat tanpa sebarang kebimbangan tambahan.

### Perlindungan **KOMPREHENSIF** untuk kematian, hilang upaya dan penyakit

Kami benar-benar memahami bila anda paling memerlukan pertolongan dengan memberi anda dan orang tersayang manfaat Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) di samping perlindungan untuk pelbagai jenis penyakit kritikal.

\* Dari kumpulan Penyakit Kritikal yang berlainan.

## » Mengenai **PRU** *multiple crisis cover*

### 1. Bagaimana produk ini berfungsi?

**PRU** *multiple crisis cover* adalah pelan bertempoh yang melindungi anda bagi kematian, Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) dan pelbagai jenis penyakit kritikal dan membolehkan anda membuat tuntutan penyakit kritikal dan kanser berbilang.

### 2. Apa yang akan dibayar?

<b>Apabila berlaku Kematian</b>	Jumlah diinsuranskan akan dibayar.
<b>Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD)</b>	Jumlah diinsuranskan akan dibayar. <i>Tertakluk kepada had RM2 juta setiap hayat ke atas jumlah diinsuranskan.</i>
<b>Apabila didiagnosis menghidap Penyakit Kritikal</b>	<p>Jumlah diinsuranskan akan dibayar jika pemegang polisi didiagnosis menghidap penyakit kritikal (sehingga maksimum 3 tuntutan) yang ditakrifkan dalam kontrak polisi.</p> <p>Apabila didiagnosis menghidap penyakit kritikal yang pertama (tidak termasuk Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), semua premium masa depan akan dikecualikan sehingga berlaku kematian, TPD sebelum umur 65 tahun atau sehingga tamat tempoh polisi, mana-mana yang berlaku dahulu.</p> <p>Bagi tuntutan AIDS di tahap terakhir, hanya 50% daripada jumlah diinsuranskan akan dibayar.</p> <p>10% daripada jumlah diinsuranskan sehingga had RM25,000 akan dibayar bagi tuntutan Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.</p> <p>Manfaat tidak akan dibayar jika diagnosis Penyakit Kritikal yang berikut itu berkait secara langsung atau tidak langsung dengan penyakit kritikal yang telah dituntut sebelumnya, kecuali bagi Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari.</p>
<b>Pada serahan polisi</b>	<p>Nilai serahan akan dibayar.</p> <p><b>PRU</b> <i>multiple crisis cover</i> akan mempunyai nilai tunai selepas premium dibayar sekurang-kurangnya 3 tahun dan pelan ini telah berkuat kuasa selama 3 tahun.</p>

Nota:

Polisi ini akan tamat apabila tuntutan kematian atau TPD dibuat dan perlindungan penyakit kritikal akan terhenti.

Bagi pelan juvenil, sekiranya berlaku kematian, penyakit kritikal atau TPD sebelum umur 5 tahun, perkadaran jumlah diinsuranskan asas yang akan dibayar pada umur 1 tahun hlb (hari lahir berikut): 20%, umur 2 tahun hlb: 40%, umur 3 tahun hlb: 60%, umur 4 tahun hlb: 80%, umur 5 tahun hlb: 100%.

### 3. Apakah manfaat tambahan lain yang disediakan?

Untuk perlindungan anda bagi sebarang kejadian yang tidak diingini, kami menawarkan anda manfaat tambahan untuk mempertingkatkan pelan **PRU** *multiple crisis cover* anda.

<b>Spouse waiver</b>	Mengecualikan semua premium masa depan sehingga hayat yang diinsuranskan mencapai umur 70 tahun sekiranya pasangan hayat yang diinsuranskan meninggal dunia, mengalami TPD sebelum umur 65 tahun, atau didiagnosis menghidap penyakit kritikal.
<b>Parent waiver</b>	Mengecualikan semua premium masa depan sehingga anak anda berumur 25 tahun sekiranya ibu bapa hayat yang diinsuranskan meninggal dunia, mengalami TPD sebelum umur 65 tahun, atau didiagnosis menghidap penyakit kritikal.

### 4. Berapakah amaun premiumnya?

Premium akan ditentukan oleh jumlah diinsuranskan.

Contoh:

**Untuk lelaki bukan perokok, dengan jumlah diinsuranskan RM100,000**

Umur	Tempoh polisi	Kadar premium tahunan (RM)
25	20	559
	30	654
35	20	1058
	30	1377
45	20	2769
	30	3735

**Untuk wanita bukan perokok, dengan jumlah diinsuranskan RM100,000**

Umur	Tempoh polisi	Kadar premium tahunan (RM)
25	20	524
	30	636
35	20	1083
	30	1316
45	20	2428
	30	3060

Untuk butir-butir lengkap mengenai kadar premium, sila rujuk [www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my)

### 5. Pelan ini untuk siapa?

Pelan ini untuk sesiapa sahaja yang berumur di antara 1 - 65 tahun hari lahir berikut yang mahukan:

- Ketenangan fikiran yang disediakan oleh perlindungan berbilang bagi penyakit kritikal; atau
- Produk yang melengkapi insurans perubatan yang sedia ada bagi memastikan perlindungan yang melebihi penghospitalan.

### 6. Penyakit apakah yang boleh saya buat tuntutan?

Penyakit kritikal dikategorikan kepada 6 kumpulan seperti berikut. Anda boleh membuat 1 tuntutan penyakit kritikal daripada setiap kumpulan sehingga maksimum 3 kumpulan daripada semua kumpulan sepanjang tempoh polisi anda.

#### Kumpulan 1

- Penyakit Arteri Koronari
- Serangan Jantung
- Kegagalan Buah Pinggang
- Pemindahan Organ Utama (Buah Pinggang)
- Penyakit Sista Medula
- Lupus Eritematosus Sistemik (SLE) dengan Lupus Nefritis
- Strok

#### Kumpulan 2

- Kardiomiopati
- Penggantian Injap Jantung
- Pemindahan Organ Utama (Jantung)
- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
- Pembedahan pada Aorta

#### Kumpulan 3

- Sindrom Apalik
- Pembedahan Otak
- Tumor Otak Benigna
- Kebutaan
- Koma
- Kepekakan
- Hilang Pertuturan
- Luka Terbakar Utama
- Trauma Kepala Utama

#### Kumpulan 4

- Penyakit Hati Kronik
- Hepatitis Virus Fulminan
- Penyakit Paru-paru Kronik
- Pemindahan Organ Utama (Hati/Paru-paru)

### Kumpulan 5

- Penyakit Alzheimer
- Meningitis Bakteria
- Ensefalitis
- Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
- Penyakit Neuron Motor
- Sklerosis Berbilang
- Distrofi Otot
- Kelumpuhan
- Penyakit Parkinson
- Poliomielitis

### Kumpulan 6

- AIDS
- Anemia Aplasia
- Kanser
- Pemindahan Organ Utama (Sumsum Tulang)

## 7. Bagaimana tuntutan Kanser ini berfungsi?

Anda dibenarkan membuat sehingga 2 tuntutan Kanser dalam Kumpulan 6 yang dianggap sebagai 2 daripada 3 tuntutan penyakit kritikal yang boleh anda buat.

Apabila tuntutan Kanser yang pertama dibuat, semua penyakit lain dalam Kumpulan 6 akan digugurkan sementara Kanser kekal untuk membenarkan tuntutan kanser kedua. Tempoh tangguh bebas kanser selama 5 tahun\* di antara tuntutan Kanser juga dikenakan dan Kanser kedua tidak boleh di tempat yang sama seperti Kanser pertama.

\* Tempoh tangguh bebas kanser selama 5 tahun ditakrifkan sebagai enam puluh (60) bulan dari tarikh Kanser itu dianggap oleh Pakar Onkologi sebagai telah berkurangan atau hilang gejala-gejala utamanya bagi Kanser pertama dan/atau mana-mana Kanser berikutnya.

## 8. Bagaimana tuntutan Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari berfungsi?

Sebanyak 10% daripada jumlah diinsuranskan sehingga had RM25,000 akan dibayar untuk Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain bagi Penyakit Arteri Koronari. Baki jumlah diinsuranskan akan diberikan untuk satu lagi tuntutan penyakit kritikal dari Kumpulan 1, sementara jumlah diinsuranskan penuh masih akan dibayar untuk tuntutan penyakit kritikal yang lain dari kumpulan-kumpulan lain. Manfaat untuk Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain bagi Penyakit Arteri Koronari tidak akan dibayar jika tuntutan telah dibuat sebelum ini dari Kumpulan 1.

Tuntutan Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari tidak boleh dibuat untuk pelepasan premium dan hanya boleh dibuat sekali. Tuntutan ini tidak dikira mengikut had tuntutan 3 penyakit kritikal.

## 9. Bagaimana tuntutan Pemindahan Organ Utama berfungsi?

Dalam tempoh polisi, anda hanya boleh membuat tuntutan untuk pemindahan organ utama sekali sahaja daripada mana-mana satu kumpulan Pemindahan Organ Utama (Kumpulan 1, 2, 4 dan 6). Apabila tuntutan telah dibuat, anda tidak boleh membuat tuntutan untuk Pemindahan Organ Utama lain tidak kira sama ada ia dari kumpulan Penyakit Kritikal yang sama atau berlainan.

Pemindahan organ utama ditakrifkan sebagai apabila pemegang polisi merupakan penerima mana-mana organ manusia yang berikut:

- Buah pinggang
- Paru-paru
- Hati
- Jantung
- Sumsum tulang

*Dapatkan ketenangan fikiran dengan perlindungan penyakit kritikal berbilang hari ini!*

Untuk bantuan peribadi, hubungi **03-2116 0228** atau email kami di **customer.mys@prudential.com.my** atau Perancang Kewangan Prudential anda yang mesra.

## Terms and Conditions:

1. The Company reserves the right to revise the premium charged in respect of the critical illness cover under this plan at any time by giving 90 days prior notice; the premium charged for Death and TPD benefits which are guaranteed. The revised premium rates shall only be effective at the next policy anniversary.
2. You are advised to ensure that this plan will best serve your needs and that the premium payable under the policy is an amount you can afford.
3. If you cancel the policy in the early years, you may not be able to obtain the full value from the amount you have paid in.
4. There is a free-look period of 15 days after the delivery of your policy to allow you to review if it meets your needs. If the policy is returned within the period, the premium you have paid will be refunded, subject to deduction of any expenses incurred for medical investigations.
5. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to your policy document.
6. This leaflet is to be used in conjunction with the Prudential Medical Health Insurance Information Booklet.

## Terma dan Syarat:

1. Syarikat berhak menyemak semula kadar premium yang dikenakan bagi perlindungan penyakit kritikal di bawah pelan ini pada bila-bila masa dengan memberi notis terdahulu 90 hari; premium yang dikenakan bagi manfaat Kematian dan TPD adalah dijamin. Kadar premium semakan akan hanya berkuat kuasa pada ulang tahun polisi yang berikutnya.
2. Anda dinasihatkan supaya memastikan pelan ini menepati keperluan anda dan anda mampu membayar amaun premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini.
3. Jika anda membatalkan polisi ini pada tahun-tahun awal, anda mungkin tidak akan mendapat nilai penuh daripada amaun yang telah anda bayar.
4. Tempoh berfikir selama 15 hari diberikan selepas polisi anda diserahkan kepada anda bagi membolehkan anda mengkajinya semula bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda. Jika polisi dikembalikan dalam tempoh tersebut, premium yang telah dibayar akan dikembalikan, tertakluk kepada potongan sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk siasatan perubahan.
5. Risalah ini adalah bagi tujuan penjelasan sahaja. Untuk butir-butir lanjut mengenai terma dan syarat, sila rujuk dokumen polisi anda.
6. Risalah ini hendaklah digunakan bersama dengan Buku Maklumat Perubahan dan Kesihatan Insurans Prudential.

## 条规与细则:

1. 本公司保留权利随时检讨有关在这份计划下受保之危疾的保费, 并给予90天的事前通知; 不过, 死亡与完全及永久伤残利益则受到保障维持不变。调整后的保费将于下个保单周年日开始生效。
2. 您必须确保这份计划符合您的需求, 并可负担所需缴付的保费。
3. 如果您在早期时既终止本保单, 您也许不能得回相等于您所缴付的总额。
4. 收到保单后, 您有15天的审阅期以检视本保单是否符合您的需求。如果本保单在既定的期限内归还, 公司将在扣除医疗调查所需的开支外, 退还您所缴付的保费。
5. 本册子只供说明之用。欲进一步了解条款及条件, 请参阅您的保单文件。
6. 本册子必须与保诚医疗健康保险小册子一同使用。



**Prudential Assurance Malaysia Berhad** (107655-U)

Menara Prudential, 10 Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2031 8228 Fax: 03-2032 3939  
Email: [customer.mys@prudential.com.my](mailto:customer.mys@prudential.com.my)

[www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my)